

99 Speedmart lancar Kempen Beli Barangan Malaysia

SHAH ALAM - 99 Speedmart pada Isnin melancarkan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) yang menampilkan sebanyak 50 barangan tempatan terpilih dari 13 hingga 31 Disember ini.

Kempen tersebut dilakukan selaras dengan falsafahnya untuk memperkasakan masyarakat tempatan, sekaligus membolehkan perusahaan dan perniagaan tempatan berkembang maju.

Pengarah Eksekutifnya, Ng Lee Tieng berkata, 99 Speedmart sentiasa menjadi penggalak produk tempatan apabila lebih 60 peratus pendapatan mereka datang daripada penjualan barangan Buatan Malaysia.

“Kami komited sepenuhnya untuk mempromosikan produk Buatan Malaysia ke peringkat seterusnya dengan sasaran mencapai RM5 Bilion pada tahun fiskal 2023 kami. Dengan sokongan daripada pembekal tempatan kami, kami akan mencapainya,” katanya semasa Majlis Makan Malam sempena meraikan Ulang Tahun ke-35 pada Isnin.

Turut hadir, Menteri



Dari kiri: Azman, Salahuddin dan Thiam Wah semasa melancarkan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM).

Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub dan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Azman Mohd Yusof.

Lee Tieng berkata, 99 Speedmart juga komited terhadap kelestarian alam sekitar dengan memasang panel solar di semua pusat pengedaran untuk mencapai status bangunan

GreenRE dan pemasangan sistem penyejukan barangan yang menggunakan 40 hingga 45 peratus kurang tenaga.

Menurut beliau, semua usaha yang dilakukan itu adalah untuk menyokong sasaran Malaysia untuk mencapai Pelepasan Karbon Sifar Bersih menjelang 2050.

Sementara itu, Salahuddin berkata, 99 Speedmart telah menjadi penanda aras dalam



Lee Tieng berucap di Majlis Makan Malam sempena meraikan Ulang Tahun ke-35 pada Isnin.

sektor peruncitan kerana berjaya mengurangkan kos operasi keseluruhannya selain membuka lebih banyak cawangan dan menawarkan barangan pada harga sangat berpatutan.

“Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pengasasnya, Lee Thiam Wah dan pasukannya kerana membantu negara dengan menawarkan barangan keperluan pengguna pada harga yang

berpatutan,” ujarnya.

Tambah Salahuddin, peruncit-peruncit lain perlu mencontohi pasar mini 99 Speed Mart kerana syarikat itu mampu melaksanakan penjimatan kos operasinya.

Kata beliau, hasil daripada penjimatan tersebut dapat dikongsi bersama rakyat dengan cara menurunkan harga barangan yang lebih murah kepada pembeli.